

03/09/1999

Pesta sedia 100,000 buku dari dalam, luar negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Pesta Buku Antarabangsa Malaysia '99 di Pusat Pameran Antarabangsa Mines, Sri Kembangan dekat sini pada 11 hingga 19 Disember ini, akan diadakan serentak dengan Pesta Buku Elektronik.

Sehubungan itu, Pengurus Besar Facon Exhibition & Trade Fairs (M) Sdn Bhd, Wong Kum San, yakin lebih 200,000 pengunjung akan mengunjungi pesta itu kerana diadakan pada cuti sekolah.

"Pesta itu akan menjadi tempat untuk memupuk tabiat membaca di kalangan masyarakat terutama ketika menghadapi cabaran alaf baru," katanya pada sidang akhbar di Balai Berita, di sini hari ini. Turut hadir, Pengarah Eksekutif Mines, Chan Luck Seh.

Pesta itu dianjurkan bersama Output Combination Sdn Bhd dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, akhbar New Straits Times (NST), Berita Harian dan Sin Chew Jit Poh.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) serta Mines International Exhibition Centre Sdn Bhd (Mines) turut menjadi penganjur bersama.

Wong berkata, Pesta Buku Elektronik dijangka menarik lebih ramai pembaca menggunakan komputer untuk mendapatkan maklumat dan membuat rujukan.

"Selain itu, pelbagai program diadakan seperti ceramah, demonstrasi, kafe siber, pelancaran buku dan majlis bertemu penulis," katanya.

Beliau berkata, pesta yang mendapat sokongan penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu menyediakan 450 ruang pameran dengan lebih 100,000 buku dari pengedar buku dari dalam dan luar negara.

"Pelbagai jenis buku beberapa bahasa termasuk Cina, Tamil, Melayu dan Inggeris, merangkumi bahan bacaan untuk kanak-kanak, dewasa dan keluarga serta komputer bimbit dan CD-Room boleh diperolehi melalui pesta ini," katanya.

Antara pengedar buku yang akan mengambil bahagian dalam pesta kali ini ialah Kedai Buku Popular, Times Publishing, Federal Publishing, Union Book, Southernland, Delta Publishing, Novum Organum, Sinar Buku dan Dynabook.

Beliau berkata, berlainan dengan Pesta Buku Kuala Lumpur yang diadakan minggu depan, pesta itu disertai syarikat yang terbabit dalam industri buku dari China, United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan, Hong Kong, India dan Singapura.

Katanya, isu mengenai hak cipta buku dan isu penterjemahan buku turut dibincangkan dalam pesta ini.

Mereka yang ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai pesta itu boleh menghubungi penganjur di talian 03-7818766, faksimili 03-7818771, atau e-mel di Facon@po.jaring.my.

(END)